



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEKOLAH ANGKAT MADANI LALUI PENGALAMAN AMALI STEM DI MRANTI PARK

BUKIT JALIL, 29 JANUARI 2026 - Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) menyambut baik pelaksanaan inisiatif Sekolah Angkat MADANI, satu usaha nasional yang bertujuan memperkukuh kolaborasi antara agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta sektor swasta dalam menyokong pembangunan sekolah khususnya dari aspek pendigitalan dan pembinaan kapasiti STEM.

Di bawah inisiatif ini, MRANTI telah diamanahkan untuk membimbing pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jernang Komprehensif 11 (K11), Sungkai, Perak serta Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong, Selangor untuk merasai pengalaman pembelajaran berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) secara langsung di MRANTI Park.

Melalui pendekatan berasaskan pengalaman (*experiential learning*), para pelajar telah didedahkan kepada pelbagai aplikasi teknologi melalui sesi interaktif di MakersLab, 5G Experience Centre serta aktiviti robotik dan dron yang memberi peluang kepada mereka untuk melihat, mengamati dan mempraktikkan sendiri bagaimana idea boleh diterjemahkan menjadi penyelesaian sebenar kepada cabaran harian.

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, pembinaan bakat sains dan teknologi tidak boleh bermula di universiti sahaja, ia mesti bermula dari sekolah. Melalui pembelajaran secara hands on, pelajar bukan sekadar menjadi pengguna teknologi, tetapi dibentuk sebagai pencipta yang beretika, berdisiplin dan bersedia membina masa depan negara.

“Apabila pelajar diberi peluang untuk menyentuh, mencuba dan belajar melalui pengalaman sebenar seperti di MRANTI Park, sains dan teknologi menjadi dekat, menyeronokkan dan relevan. Inilah asas penting untuk melahirkan bakat STI masa depan,” katanya.

Sementara itu, Ashran Dato’ Ghazi, Ketua Pegawai Eksekutif MRANTI, berkata penglibatan MRANTI dalam Sekolah Angkat MADANI mencerminkan peranan MRANTI sebagai sebuah ekosistem pemudahcara yang menghubungkan pembelajaran di bilik darjah dengan keupayaan dunia sebenar.

“Di MRANTI, kami bukan sekadar menyediakan kemudahan fizikal tetapi membina jambatan antara ilmu, teknologi dan masyarakat. Pendedahan awal kepada STEM dan teknologi termaju memberi asas penting kepada pelajar untuk membangunkan kemahiran masa depan di samping menanam nilai disiplin, integriti dan kerja berpasukan” katanya.

MRANTI beriltizam untuk memperkasa Sekolah Angkat MADANI melalui pembinaan kapasiti ilmu dan pendedahan kepada ekosistem inovasi secara menyeluruh, demi membentuk belia yang berdaya saing, celik masa depan, dan mampu menjadi pemacu pembangunan negara.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKONOLOGI DAN INOVASI
29 JANUARI 2026

BERKENAAN MRANTI

Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation - MRANTI, merupakan agensi pusat pengkomersialan penyelidikan Malaysia yang mempercepatkan pembangunan inovasi teknologi daripada idea ke impak.

MRANTI berfungsi sebagai penyambung, inkubator dan pemangkin bagi membolehkan idea peringkat awal hingga ke tahap entiti matang untuk dikomersialkan dan berkembang. MRANTI menawarkan capaian kepada infrastruktur bersepadu bertaraf dunia, intervensi program, kerjasama dan pelbagai rangkaian sumber kepada inovator dan industri.

Dalam usaha ini, MRANTI mensasarkan untuk meningkatkan saluran bekalan inovasi Malaysia dan menghasilkan nilai R&D baharu dengan memastikan peralihan yang berkesan dalam kitaran hayat pengkomersialan. Ia juga akan menghubungkan ahli akademik dengan industri serta sektor awam untuk menyelaraskan usaha R&D yang dipacu pasaran untuk hasil yang berteraskan misi.

MRANTI yang beribu pejabat di MRANTI Park merupakan sebuah hab inovasi 4IR seluas 686 ekar di Kuala Lumpur menyokong pertumbuhan kluster pembuatan pintar, bioteknologi, agrotek, bandar pintar, teknologi hijau dan kluster teknologi pembolehan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://mranti.my/>

Pertanyaan Media:

Adit Rahim

Email: adit@mranti.my

Contact No: +6013-6666667

Farhana Syed

Email: farhanasyed@mranti.my